

27 JUN 2001

Mahathir-setiausaha

KHIDMAT CHANG BERKAITAN KAUM CINA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelantikan Matthias Chang Wen Chieh sebagai setiausaha politiknya ialah agar peguam itu dapat berkhidmat untuk beliau dalam perkara membabitkan masyarakat Cina.

Perdana Menteri berkata beliau memilih seorang Cina sebagai seorang daripada setiausaha politiknya ialah kerana 26 peratus rakyat Malaysia terdiri daripada orang Cina.

"Saya berpendapat seorang setiausaha politik Cina akan dapat berkhidmat untuk saya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan masyarakat Cina," katanya pada sidang berita selepas menyampaikan ucap utama pada Kongres Pembangunan Ekonomi Dunia ke-10 di PWTC.

Chang, 51, mengangkat sumpah sebagai setiausaha politik perdana menteri hari ini, orang Cina pertama memegang jawatan itu.

Dr Mahathir mempunyai dua setiausaha politik Melayu.

Chang mengangkat sumpah jawatan dan menyimpan rahsia di hadapan Dr Mahathir di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya hari ini.

Upacara ringkas itu disaksikan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Ketika ditemui pemberita, Chang enggan mengulas pelantikannya itu.

Dr Mahathir, yang ditanya kenapa beliau melantik seorang Cina sebagai setiausaha politiknya dalam sidang beritanya di PWTC, secara berseloroh menjawab: "Kerana saya perlukan seorang setiausaha politik."

"Terdapat peruntukan bagi saya melantik seorang setiausaha politik, maka dengan itu, saya lantiklah seorang," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau akan melantik seorang setiausaha akhbar juga daripada kaum Cina, perdana menteri menjawab: "Mungkin, ianya tidak sebegitu penting."

-- BERNAMA

AFY ZS RYN MAI